

17 APR 1998

Fomca-Saham

FOMCA GESA KERAJAAN BELI SAHAM-SAHAM PENGUASAAN

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) hari ini menggesa kerajaan mengkaji untuk membeli saham-saham penguasaan dalam syarikat-syarikat kemudahan awam yang diswastakan untuk melindungi kepentingan rakyat.

Setiausaha Agung FOMCA N. Marimuthu berkata kerajaan boleh berbuat demikian sama ada secara langsung melalui Khazanah Malaysia, Kementerian Kewangan atau secara tidak langsung melalui badan-badan berkanun seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSO).

"Penswastaan tidak bermakna kerajaan harus melepaskan tanggungjawab tetapi sebaliknya membeli saham-saham penguasaan dalam semua syarikat kemudahan awam seperti air dan pembetulan serta pendidikan dan kesihatan," kata beliau dalam satu kenyataan.

Beliau berkata tanpa membeli saham-saham seperti dalam Puncak Niaga, kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa walaupun jika satu lagi krisis air berlaku.

Bagaimanapun, beliau menarik perhatian bahawa pengurusan kemudahan awam itu hendaklah diserahkan kepada pengurus profesional yang berkebolehan dan bukan kepada birokrat atau usahawan.

Marimuthu berkata syarikat swasta yang dikuasai kerajaan hendaklah berfungsi sebagai entiti perniagaan dan bersaing di pasaran terbuka bagi mengurangkan kos dan mempunyai sifat ketelusan dan lebih bertanggungjawab.

Beliau berkata Fomca tidak membantah syarikat-syarikat memperoleh keuntungan tetapi ia menentang perbuatan mengambil untung yang melampau-lampau.

Dalam kenyataan tiga muka itu yang salinannya dihantart kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Fomca berkata model penswastaan sekarang tidak begitu sesuai bagi kemudahan awam dan perlu dikaji semula.

Sementara itu, Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan menyokong cadangan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu untuk mewujudkan pihak berkuasa air yang berasingan bagi Selangor and Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Timbalan Presidennya Dr Tilla Chelliah berkata maklumat balas daripada penduduk di ibu negara menunjukkan bahawa mereka percaya lembaga air yang berasingan boleh memberi perkhidmatan lebih baik.

Dr Chelliah berkata memandangkan Malaysia menerima 990 bilion meter padu air hujan setiap tahun yang boleh digunakan, maka adalah wajar setiap negeri mempunyai sumber sendiri yang berasingan dan mencari cara lain bagi meningkatkan kapasiti simpanan.

-- BERNAMA

MNY FAZ